



SULIT
1125/1
Pendidikan
Moral
Kertas 1
2 ½ jam

**PANITIA PENDIDIKAN MORAL
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KINTA UTARA**

**MODUL SET 1
PENDIDIKAN MORAL
Dua jam tiga puluh minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:
Bahagian A mempunyai lapan soalan struktur dan Bahagian B mengandungi tiga soalan eseai.
2. Anda dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan **dua** soalan daripada Bahagian B.
3. Jawapan anda mestilah berlandaskan nilai-nilai moral yang terdapat dalam Sukatan Pendidikan Moral.

BAHAGIAN	SOALAN	MARKAH
A	1	
	2	
	3	
	4	
	5	
	6	
	7	
	8	
B	9	
	10	
	11	
JUMLAH		

Bahagian A
[80 markah]
Jawab semua soalan

1. Baca dan fahami perikan berita di bawah



Pegawai bank, suami ditahan dipercayai keluar wang penumpang MH370

"Suaminya yang berusia 33 tahun turut ditahan di bengkel kereta di Ampang ketika membaiki keretanya. Polis percaya suaminya mungkin turut terlibat."

KUALA LUMPUR: Seorang pegawai bank dan suaminya yang dipercayai terbabit dalam kes memindah dan mengeluarkan wang daripada akaun milik penumpang pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 ditahan semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kuala Lumpur, ACP Izany Abd Ghani berkata pegawai bank itu yang bekerja di bank berkenaan sejak 10 tahun lalu ditahan di rumahnya di Ampang kira-kira 4 petang.

- (a) Berdasarkan berita di atas, **wajarkah** tindakan pegawai bank dan suaminya di atas?
Beri komen anda.

.....
.....
.....

[3 markah]

- (b) Berdasarkan berita di atas, berikan **dua** nilai yang perlu diamalkan oleh pegawai bank dan suaminya di atas ?

.....
.....

[2 markah]

- (c) Ramalkan **tiga** kesan yang bakal ditanggung oleh pegawai bank dan suaminya diatas sikap yang telah ditunjukkan.

- i.
ii.
iii.

[3 markah]

- (d) Pada pendapat anda, mengapakah sikap jujur itu penting ?

.....
.....

[2 markah]

2.

Kita perlu menyambut Hari Ibu dan Hari Bapa sebagai salah satu cara untuk kita menunjukkan sikap berterima kasih dan membala jasa ibu bapa.

(a) Berdasarkan situasi di atas, nyatakan **tiga** jasa ibu bapa kepada kita.

- i.
- ii.
- iii.

[3 markah]

(b) Nyatakan **tiga** cara yang boleh anda lakukan untuk menunjukkan sikap berterima kasih kepada ibu bapa.

- i.
- ii.
- iii.

[3 markah]

(c) Nyatakan **tiga** kesan yang berlaku ke atas sesebuah keluarga yang tidak mengambil berat terhadap ahli keluarga.

- i.
....
- ii.
....

[2 markah]

(d) Pada pendapat anda, **wajarkah** anak-anak menghantar ibu bapa mereka yang sudah tua ke pusat penjagaan orang-orang tua?

.....
.....

[2 markah]

3. Kebanyakkan pencemaran alam seperti pencemaran udara adalah berpunca daripada aktiviti harian manusia yang tidak terkawal. Pelepasan asap yang tidak terkawal daripada kegiatan perindustrian akan menjaskan kualiti udara.

(a) Nyatakan **dua** nilai yang perlu diamalkan untuk mengurangkan pencemaran udara.

- i.
ii.

[2 markah]

(b) Jelaskan maksud **satu** nilai di (a)

.....
.....

[2 markah]

(c) Huraikan **dua** peranan anda untuk membantu kerajaan menanggani pencemaran di negara ini.

- i.
.....
ii.
.....

[4 markah]

(d) Berikan **dua** cadangan anda menanggani masalah pencemaran udara yang dusebabkan oleh aktiviti perindustrian.

- i.
ii.

[2 markah]

4. Generasi muda kini perlu mencontohi semangat waja, pengorbanan dan kesetiaan pejuang-pejuang negara dalam memperjuangkan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

(a) Namakan **tiga** tokoh pejuang negara.

- i.
ii.
iii.

[3 markah]

(b) Jelaskan **tiga** ciri yang ada pada tokoh tersebut dalam perjuangan menentang penjajah.

- i.
ii.
iii.
....

[3 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah generasi masa kini perlu mencontohi semangat perjuangan yang dimiliki oleh tokoh-tokoh tersebut ?

.....
.....
.....

[2 markah]

(d) Ramalkan **tiga** kesan yang akan berlaku jika semangat patriotisme ini tidak lagi diamalkan.

- i.
ii.
....

[2 markah]

5. Anda sering terdengar jiran anda memarahi dan mendera anaknya yang berumur 5 tahun. Anda juga pernah melihat anak jiran anda itu menangis dan lebam-lebam kerana dipukul bapanya.

(a) Berdasarkan situasi di atas, nyatakan **tiga** tindakan yang wajar anda lakukan .

- i.
ii.
iii.
.....

[3 markah]

(b) Nyatakan **dua** hak kanak-kanak yang perlu diamalkan oleh jiran anda.

- i.
ii.

[2 markah]

(c) Ramalkan **tiga** kesan yang mungkin dialami oleh anak jiran anda jika perkara di atas Berterusan.

- i.
ii.
iii.
.....

[3 markah]

(d) Berikan **dua** langkah kerajaan dalam melindungi hak kanak-kanak.

- i.
ii.

[2 markah]

6. Andy telah ditangkap oleh polis kerana memiliki sejumlah 60 gram *ecstasy*. Mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 seksyen 39(B) , Andy akan dikenakan hukuman mati mandatory.

(a) Pada pendapat anda, **wajarkah** hukuman yang dikenakan ke atas Andy itu? Jelaskan.

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Nyatakan **satu** nilai yang perlu diamalkan oleh Andy.

i.

[1 markah]

(c) Huraikan **maksud** nilai di (b)

.....
.....

[2 markah]

(d) Masalah ketagihan dadah di kalangan remaja juga merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh negara kita. Berikan **tiga** kesan penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah.

i.
ii.
iii.

[3 markah]

(e) Anda dapati salah seorang ahli keluarga anda telah terlibat dalam masalah ketagihan dadah. Nyatakan **tindakan** yang akan anda lakukan.

.....
.....
.....

[2 markah]

7. Malaysia mengamalkan dasar berkecuali iaitu dasar tidak campur tangan dalam urusan dan masalah negara lain.

- (a) Berdasarkan pernyataan di atas, **setujukah** tindakan yang diambil oleh Malaysia? Beri komen anda berdasarkan **satu** nilai yang anda pelajari.

.....
.....
.....

[3 markah]

- (b) Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku kepada negara kita jika negara tidak mengamalkan dasar berkecuali ?

.....
.....

[2 markah]

- (c) Sekiranya anda adalah pemimpin negara , nyatakan **tiga** langkah yang akan anda ambil untuk memastikan negara berada dalam keadaan aman dan stabil.

- i.
ii.
iii.

[3 markah]

- (d) Sebagai pelajar, nyatakan **dua** cara yang boleh anda lakukan untuk menunjukkan anda menghormati guru dan pentadbir sekolah.

- i.
ii.

[2 markah]

8. Swee Lin yang merupakan seorang bendahari kelas, telah menggunakan duit kutipan kelas untuk kegunaan peribadinya. Dia kemudian memberitahu rakan-rakannya bahawa dia telah kehilangan duit itu.

- (a) Apakah **perasaan** rakan-rakan Swee Lin apabila mereka mengetahui tindakan Swee Lin. Beri **komen** anda berdasarkan nilai-nilai murni yang dipelajari.

.....
.....
.....

[3 markah]

- (b) Ramalkan **kesan** yang mungkin dihadapi oleh Swee Lin jika perbuatannya itu diketahui oleh rakan-rakan kelasnya.

i.
ii.
iii.

- (c) Nyatakan **dua** cara untuk mengawal diri daripada melakukan perkara di atas.

i.
ii.

[2 markah]

- (d) Andaikan anda merupakan rakan Swee Lin. Jelaskan **tindakan** yang boleh anda lakukan untuk membantu Swee Lin daripada mengulangi perkara yang sama.


.....
.....

[2 markah]

Bahagian B
[20 markah]

Jawab mana-mana dua soalan dalam bahagian ini

9. Berikut merupakan luahan perasaan Puan Tan kepada kawan-kawannya di Pusat Penjagaan Orang-Orang Tua.



Sudah lama anak-anak tidak menjenguk saya di sini. Saya amat merindukan anak-anak serta cucu-cucu saya.

Wajarkah tindakan anak-anak Puan Tan? Berikan **tiga** alasan anda.

[10 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

10. Baca dan fahami keratan akhbar di bawah.

Batu Pahat: Hujan lebat lebih sejam menyebabkan beberapa kawasan rendah di daerah ini dilanda banjir kilat, semalam.

Air melimpah berikutan hujan sejak jam 5 pagi, turut menjelaskan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Temenggong Ibrahim (SMKPTI) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Yeong Chang.

Tinjauan mendapati beberapa premis kerajaan termasuk bangunan Mahkamah Batu Pahat dinaiki air dan beberapa jalan ditenggelami.

Berikutan banjir kilat itu, kesesakan teruk dilaporkan di laluan utama termasuk Jalan Pejabat, Jalan Masjid dan Jalan Kenangan.

Bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh penduduk Batu Pahat untuk mengelakkan kejadian banjir yang lebih serius berlaku. Jawapan anda mestilah disokong dengan **contoh-contoh** yang sesuai.

[10 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

11. Petikan akhbar berikut berkaitan dengan satu kes yang berlaku di negara kita.

Seorang wanita warga emas berumur 68 tahun telah ditetak oleh anaknya sendiri akibat enggan memberinya sejumlah wang. Mangsa koma selama seminggu di hospital dan akhirnya meninggal dunia akibat kecederaan parah dikepala.

Sumber: Ubahsuai dari akhbar Berita Harian,31 Ogos 2012

Patutkah tindakan anak warga emas tersebut?

Huraikan **tiga** alasan anda berdasarkan **nilai-nilai murni**. (10 markah)

- Kertas Soalan Tamat -

